

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN
DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan penyelesaian jangka panjang yang akan dilaksanakan bagi menangani masalah kecetekan muara sungai sekitar negara khususnya di Kedah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah meluluskan peruntukan berjumlah RM 1.5 juta pada tahun 2020 untuk melaksanakan kerja-kerja pengorekan muara sungai bagi mengatasi masalah kecetekan muara-muara sungai di negeri Kedah. Kerja-kerja pengorekan muara sungai ini melibatkan beberapa kawasan iaitu di Muara Sg. Kuala Tunjang, Muara Sg. Teluk Yu, Muara Sg. Belanga Pechah, Muara Sg. Kelibang dan Muara Sg. Kerpan.

2. Untuk langkah penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi masalah kecetekan muara-muara sungai, satu kajian yang khusus dan lebih terperinci iaitu Kajian Sedimentasi Muara Sungai Seluruh Negara yang akan melibatkan muara-muara di seluruh negara termasuk di negeri Kedah telah dimohon dalam RMKe-12.

NO. SOALAN: 30

3. Secara prinsipnya, penyelesaian jangka masa panjang boleh diatasi jika kita mengurangkan hakisan tanah di hulu menerusi pelbagai aktiviti guna tanah dan buffer zone di sepanjang tebing sungai.
4. Ini boleh dilaksanakan dengan menggunakan manual saluran mesra alam (MASMA) yang disediakan oleh JPS.

Sekian, terima kasih.